

PM mahu para pelabur terokai bidang2 baru di negara ini

MM 14 JUL 1985

P PARIT BUNTAR 13 Julai - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahukan para pelabur dan peniaga menerokai bidang - bidang kegiatan baru di negara ini bagi mencapai kejayaan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Beliau tidak mahu mereka hanya bertumpu kepada beberapa bidang sahaja seperti yang berlaku sekarang.

Akibatnya mereka juga yang mengeluh kerana usaha itu tidak berjaya sedang peluang - peluang dalam kegiatan yang lain masih luas terbuka dan tidak pula diterokai, tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmi-

kan loji tanah peluntur dan asid sulfurik kilang Wembley Activated Clay di kawasan perindustrian Sim-pang Lima di sini hari ini.

Perdana Menteri menekankan, penglibatan diri dalam perniagaan memerlukan fikiran yang luas agar bidang yang diterokai benar - benar mendatangkan untung.

Jika kita ikut apa yang dilakukan oleh orang lain semata - mata kerana kita lihat mereka berjaya akan kecewalah kita," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mengkaji sebelum melibatkan diri dalam perniagaan adalah sangat mustahak.

Di Malaysia, katanya, terlalu banyak sumber yang boleh dimajukan yang selama ini mungkin masih belum diterokai oleh mana - mana pihak yang dianggap berpotensi kepada keperluan dalam dan luar negeri.

Kata Perdana Menteri, banyak peristiwa kejatuhan berlaku dalam dunia perniagaan yang melibatkan para peniaga, kerana penglibatan mereka tidak berdasarkan fikiran yang terbuka.

Bagaimanapun kata beliau keadaan itu tak mungkin akan berlaku sekiranya mereka lebih selidik dan berhati - hati.

Perdana Menteri yakin perniagaan yang mengutamakan keperluan umum akan dapat mengelakkan ancaman dari pihak yang mahu mengatasi usaha - usaha itu.

"Inilah pentingnya usaha kita itu kepada fikiran dan mengkaji tentang kehendak orang ramai," katanya.

Perdana Menteri menerangkan setengah kalangan usahawan yang mengutamakan "makan angin," bila mengikut rombongan pelaburan kerajaan keluar negeri.

Mereka, katanya sepatutnya mengambil kesempatan yang keemasan itu bagi membesar dan memperluaskan bidang perusahaan

dengan mengambil contoh dari apa yang mereka dapati di luar negeri.

Sambil itu Perdana Menteri mengumumkan pihaknya akan melawat China dalam bulan November hadapan dalam usaha meluaskan perdagangan antara kedua negara.

Sambil berjenaka Perdana Menteri berkata, "dah ada lebih 400 orang yang berhajat hendak ikut serta, kalau seramai itu kita kenalah sewa Boeing 747 untuk bawa mereka," disambut gelak ketawa.

"Kita tak berhajat untuk membawa mereka yang semata - mata mahu makan angin, kita akan pilih mereka yang benar - benar mahu berniaga sahaja" kata Datuk Sri Dr. Mahathir.